

03 SEP 2003

Mbeki-Malaysia (Bergambar)/I

AFRIKA SELATAN YAKIN HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA BERTAMBAH KUKUH

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki berkata beliau yakin lawatan tiga harinya ke Malaysia telah berjaya memperkukuhkan lagi hubungan dua hala.

Katanya perjanjian yang dimeterai oleh kedua-dua negara semalam bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi, sains, teknologi dan budaya serta penubuhan sebuah jawatankuasa bersama bagi melaksanakan perjanjian itu, menjadi bukti jelas bahawa hubungan antara negaranya dan Malaysia sentiasa berada pada tahap yang membanggakan.

"Ia (hubungan dua hala) akan terus berkembang. Kita mempunyai hubungan kerja yang baik. Kita mengadakan perjanjian itu kerana kedua-dua negara ingin mewujudkan satu struktur rasmi (bagi mengukuhkan kerjasama)," katanya kepada pemberita pada akhir lawatannya hari ini.

Mbeki berkata, melalui perbincangan yang diadakan dengan para pemimpin Malaysia, kedua-dua negara juga melahirkan kesedaran tentang perlunya diperkukuhkan lagi kerjasama yang membabitkan isu antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan keamanan di Asia Barat.

Beliau juga melahirkan harapan agar sebagai pengerusi baru Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Malaysia akan memainkan peranan penting dalam menyuarakan keluhan negara-negara membangun dan kurang maju.

Mbeki juga berkata perubahan pucuk pimpinan kerajaan Malaysia pada Oktober ini tidak akan menjejaskan hubungan baik yang telah lama terjalin antara Kuala Lumpur dan Pretoria.

"Saya sudah mengenali bakal Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) selama beberapa tahun. Beliau merupakan sebahagian daripada barisan kepimpinan Malaysia, sudah pasti akan wujud kesinambungan daripada segi hubungan...tidak akan ada sebarang perubahan," katanya.

Pemimpin Afrika Selatan itu juga berkata negaranya berminat tentang operasi Pusat Anti Keganasan Serantau yang ada di Kuala Lumpur serta berharap dapat mempelajari sesuatu daripada Malaysia mengenai langkah-langkah untuk membendung keganasan.

Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, Mbeki telah diberi penjelasan tentang langkah yang diambil oleh Malaysia untuk membendung gejala itu.

Katanya walaupun Afrika Selatan tidak menghadapi masalah keganasan seperti Malaysia, namun ia turut merasai sedikit sebanyak masalah itu apabila beberapa bangunan di Cape Town dibom suatu ketika dulu.

Mbeki juga melahirkan harapan agar hubungan kerjasama antara negara-negara Afrika dan Asean akan dapat dipertingkatkan, terutama dalam bidang perdagangan.

"Kami ingin tingkatkan kerjasama (antara Kesatuan Afrika dan Asean) dan salah satu bidang yang amat menarik minat kami ialah perdagangan. AU (Kesatuan Afrika) dan Asean melihat bidang ini sesuatu yang penting," katanya.

Mbeki berkata AU dan Asean perlu memberi tumpuan kepada perdagangan kerana ia mampu meningkatkan kerjasama sesama mereka.

-- BERNAMA

SR RV SP MAI